



SIARAN MEDIA

MAJLIS KONVOKESYEN PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DAN KOMPETENSI INFRA TAHUN 2023

“Seramai 74 orang graduan dalam kumpulan sasar iaitu Masyarakat Orang Asli, Pengusaha Homestay serta kakitangan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah diraikan dalam Majlis Konvokesyen Program Pembangunan Kemahiran dan Kompetensi Tahun 2023 yang julung kali diadakan”

YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah menyempurnakan Majlis Konvokesyen Program Pembangunan Kemahiran dan Kompetensi Tahun 2023 yang julung kali diadakan bagi mengiktiraf pelatih yang telah tamat kursus di Pusat Bertauliah Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Turut hadir ke program ini adalah YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Datuk Hj Sapiah binti Dato' Mohd Nor, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan YBrs. Puan Noraina binti Masduki @ Abdul Hanan, Pengarah Institut Kemajuan Desa (INFRA).

Majlis secara berpusat ini diadakan sekali dalam tempoh setahun dimana penganjurannya hanya dilaksanakan oleh INFRA Ibu Pejabat. Ia mensasarkan kumpulan dari Masyarakat Orang Asli, Pengusaha Homestay serta kakitangan KKDW.

Pada hari ini seramai 74 orang pelatih yang telah tamat bagi empat program iaitu:

- 1. Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Operasi Homestay Tahap 2 secara Penuh Masa;**
 - Program ini melibatkan sembilan (9) orang pelatih dari Sabah, Sarawak, Selangor, Melaka dan Johor terdiri daripada penyelaras, pengusaha dan pelapis pengusaha homestay.
 - Peserta telah menjalani latihan selama enam (6) bulan di INFRA bermula pada bulan Mei - November 2023 dan melengkapkan kesemua sembilan (9) modul dan dinilai melalui peperiksaan akhir serta latihan amali oleh Pegawai Penilai Luaran (PPL) daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

2. Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Operasi Homestay Tahap 2 secara Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu;

- Meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan penyelaras dan pengusaha homestay luar bandar seramai 44 orang yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat desa yang berilmu, mahir dan cemerlang melalui perluasan program latihan yang mampu menyumbang keperluan tenaga kerja mahir sektor pelancongan desa homestay melalui institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah KKDW.
- Kumpulan sasar bagi kursus ini adalah dari Masyarakat Orang Asli di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), pengusaha homestay luar bandar yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) Malaysia serta kakitangan INFRA sebagai tenaga pengajar.
- Kaedah penilaian dibuat secara sesi verifikasi yang dipantau oleh Pegawai Penilai Luaran (PPL), JPK yang melibatkan Pembangunan Portfolio dan Penilaian Amali.

3. Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Pegawai Latihan Vokasional (VTO) Tahap 3; dan

- Melahirkan sepuluh (10) orang penceramah/ pengajar yang kompeten, bersistematik dan diiktiraf dalam TVET serta mampu mengaplikasikan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berkesan bersesuaian dengan visi INFRA untuk menjadi pusat kecermelangan dalam bidang latihan dan INFRA sebagai Pusat Bertauliah bagi Persijilan Kemahiran Malaysia.
- Peserta terdiri dari kalangan pegawai KKDW (INFRA dan KEMAS) yang diberikan bimbingan melalui sepuluh (10) kali sesi perjumpaan dalam melengkapkan Pembangunan Bahan Pembelajaran Bertulis, pembangunan kurikulum dan penilaian kompetensi serta melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

4. Kursus Pemandu Pelancong Berkemahiran Alam Semulajadi Setempat Fokus Masyarakat Orang Asli Tahap 2.

- Seramai 20 orang peserta dari negeri Selangor, Pahang, Perak dan Kelantan telah dipilih dan menjalani kursus selama 17 hari bermula dari 18 Julai hingga 4 Ogos di Janda Baik, Pahang.
- Melatih peserta menjadi pemandu pelancong yang profesional, di mana peserta didedahkan dengan produk dan perkhidmatan pelancongan, etika pemandu pelancong, teknik dan kaedah menguruskan pelancong, aspek keselamatan dan kesihatan pelancong. Kursus ini difokuskan kepada Masyarakat Orang Asli bagi membuka peluang kepada peserta untuk mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong (*Green Badge*).

PUNCA KUASA

Pelaksanaan Majlis Konvokesyen Program Pembangunan Kemahiran dan Kompetensi ini adalah selaras dengan hala tuju INFRA sebagai Pusat Kecemerlangan Luar Bandar (*Centre of Rural Excellence -C.O.R.E*) yang mengandungi *roadmap* atau pelan strategik bagi meningkatkan imej INFRA sebagai institusi penyedia latihan bagi golongan sasaran luar bandar di samping memperkasa peranan dan hala tuju sebagai pusat latihan desa dan penyelidikan luar bandar terunggul di bawah KKDW.

INFRA merupakan Pusat Bertauliah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan Kod Pusat K09008.

OBJEKTIF

1. **Untuk menghargai usaha, penglibatan dan keterampilan** peserta yang telah berjaya menamatkan kursus.
2. **Untuk memupuk semangat daya saing** dan memberi peluang kepada pelatih dalam membina sikap, kemahiran dan ilmu pengetahuan.
3. **Menjalin dan merapatkan hubungan silatullah** dikalangan peserta dan institusi walaupun telah tamat kursus yang dihadiri.

IMPAK PROGRAM

Pelaksanaan Majlis Konvokesyen Program Pembangunan Kemahiran dan Kompetensi Institut Kemajuan Desa (INFRA) bagi Tahun 2023 ini akan mencapai jangkauan outcome seperti berikut:-

1. Menghasilkan usahawan luar bandar yang memiliki sijil Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional TVET sebagai tenaga mahir negara bagi sektor pelancongan luar bandar inap desa (homestay).
2. Sebagai pemangkin dalam usaha untuk melahirkan pelatih-pelatih yang cemerlang dari segi tiktah laku, kemahiran dan ilmu pengetahuan.
3. Jalinan kerjasama berpanjangan antara kerajaan dan pemain industri.

INFRA ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama rakan-rakan media yang telah hadir bagi membuat liputan.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan/puan boleh hubungi **Encik Mohd. Yusrizal b. Ab Razak, Ketua Unit Komunikasi Korporat INFRA, KKDW** di talian **016-5537397**.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat,
Institut Kemajuan Desa (INFRA),
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).
28 November 2023



E-PRESS KIT